



No. Rujukan : USM/PPPJJ/KI/002 (24)
Tarikh : 26 Januari 2024

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

KURSUS INTENSIF SIDANG AKADEMIK 2023/2024 RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kursus Intensif merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang wajib dihadiri oleh pelajar Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM) pada setiap sidang akademik.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Datin/tuan/puan, aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa Kursus Intensif ini adalah termasuk kuliah, kelas tutorial, peperiksaan berterusan, kelas amali dan membuat rujukan di perpustakaan. Sehubungan dengan ini, pihak Universiti telah menetapkan tarikh Kursus Intensif Sidang Akademik 2023/2024, Rancangan Pengajian Jarak Jauh pada **26 Februari 2024 (Isnin) hingga 10 Mac 2024 (Ahad) bertempat di Kampus Induk USM, Pulau Pinang.**

4. Diharapkan penerangan ini dapat membantu YBhg. Dato'/Datuk/Datin/tuan/puan dalam mempertimbangkan pelepasan atau kelulusan Cuti Tanpa Rekod untuk Pegawai/Staf yang mengikuti pengajian secara jarak jauh di USM.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. MADYA DR. ZULNAIDI BIN YAACOB)
Dekan